

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH (SABAK BERNAM)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 10.11.2016**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) semenjak dilaksanakan pada 1 April 2015 dan nyatakan kegunaan GST mengikut sektor serta nyatakan sejauh manakah GST ini telah memberikan kebaikan dan manfaat rakyat khususnya yang berpendapatan rendah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kutipan GST bagi

tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion manakala bagi tahun 2016, hasil kutipan GST sehingga 31 Oktober 2016 adalah sebanyak RM32.709 bilion. Semua hasil cukai GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama-sama dengan cukai langsung dan cukai tidak langsung selainnya yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Seterusnya kutipan cukai tersebut dikembalikan sebagai agihan peruntukan bagi tujuan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Ini termasuklah menambah baik sektor pendidikan, kesihatan dan penambahbaikan kemudahan infrastruktur untuk manfaat rakyat serta keperluan pembangunan dan kemajuan ekonomi negara.

## **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI**  
**TARIKH : 10.11.2016**  
**SOALAN : NO. 37**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan keberkesanan sistem meritokrasi yang tujuan utamanya kepada kualiti seorang pelajar dan berapa jumlah pelajar Melayu/Bumiputera yang diterima masuk ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) hasil pelaksanaan meritokrasi.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengamalkan dasar meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum bagi pemilihan pelajar ke Universiti Awam (UA). Berdasarkan meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal tidak dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di UA. Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon berdasarkan kelayakan, minat, cita-cita dan kecenderungan calon. Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di UA yang dimohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

Pada Sesi Akademik 2016/2017, seramai 58,011 calon STPM/ Matrikulasi/Asasi telah memohon kemasukan di 18 UA tidak termasuk UM dan USM yang membuat ambilan sendiri. Berdasarkan permohonan, seramai 54,618 (94%) adalah calon yang layak dan melepasi Syarat Am Kemasukan. Sejumlah 39,862 (73%) daripada calon yang layak telah berjaya mendapat tawaran di 18 UA.

Keberkesanan sistem meritokrasi ini dapat mewujudkan persaingan sihat di kalangan anak muda dalam mengorak langkah masa depan mereka. Selain daripada itu, proses temu duga turut dilaksanakan di UA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu demi memastikan UA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan. Etika dan kerohanian, kepimpinan, jati diri kebangsaan, penguasaan bahasa, kemahiran berfikir dan ilmu pengetahuan adalah enam perkara yang penting bagi pelajar di peringkat pendidikan tinggi.

Di samping itu, KPT juga prihatin dan tidak meminggirkan golongan yang kurang mendapat akses pendidikan melalui mekanisme mode kemasukan bagi isi rumah 40% terendah (B40) untuk golongan yang berstatus sosio ekonomi rendah dan Laluan Khas bagi golongan OKU, orang asli serta atlet.